

Universiti Malaysia  
12/10/2014

# IKTIRAF

**BEKAS** jaguh badminton negara, Datuk Misbun Sidek, semalam dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Sains Pembangunan Insan daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam Majlis Konvokesyen ke-14 UTHM, yang diadakan di Batu Pahat, Johor, semalam.

Menurut satu kenyataan dikeluarkan pihak universiti, anugerah itu dikurniakan bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan Misbun dalam pembangunan sukan tanahair khususnya badminton.

Majlis penyampaian anugerah itu disempurnakan Pro-Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Tunku Ismail Sultan Ibrahim.

■ **TUNKU** Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim berkenan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Sains (pembangunan insan) kepada Misbun Sidek pada majlis Konvokesyen ke-14 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di Dewan Sultan Ibrahim, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, semalam.

- BERNAMA

